

28 JUL 2001

Najib-Pelajar

JANGAN AMBIL MUDAH SISTEM KUOTA, KATA NAJIB

KUANTAN, 28 Julai (Bernama) -- Langkah kerajaan untuk mengambil tindakan radikal bagi menangani masalah pelajar bumiputera termasuk kemungkinan melaksanakan dasar meritokrasi bagi kemasukan ke universiti, bertujuan menyedarkan pelajar supaya tidak mengambil mudah sistem kuota ke universiti.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini berkata walaupun sistem kuota ke universiti merupakan satu dasar yang diperjuangkan oleh Umno selama ini tetapi ada pelajar-pelajar yang tidak berterima kasih dan sebaliknya menunjukkan sikap penentangan pula.

"Apa yang dihasratkan ialah supaya ada sedikit kejutan di kalangan pelajar agar mereka tidak menganggap sistem kuota seolah-olah merupakan hak kita," katanya kepada pemberita selepas memeriksa sembilan pesawat Pilatus PC 7 MK II di sini.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata tindakan radikal itu diharap dapat membangkitkan kesedaran mengenai prestasi pelajar bumiputera yang mengecewakan berbanding pelajar bukan bumiputera.

Melalui dasar meritokrasi, hanya calon yang mempunyai merit atau kelayakan tinggi akan dipilih memasuki sesebuah universiti awam dan tidak lagi memilih calon yang "cukup makan" bagi memenuhi kuota bumiputera.

Najib yang juga Naib Presiden Umno, berkata pelajar-pelajar perlu diingatkan bahawa mereka harus memberi tumpuan kepada pelajaran dan mempertingkatkan pencapaian sebab ada sebahagian daripada mereka yang tidak sedar serta tidak menerima hakikat bahawa kemasukan mereka itu dibuat berdasarkan sistem kuota.

"Walaupun mereka mampu mengikuti kursus yang dipilih itu dan kemampuan mereka memuaskan tetapi daripada segi kebolehan dibandingkan dengan bukan bumiputera, mereka kurang kemampuan atau kurang prestasinya," katanya.

Mengenai pemilihan daerah Pekan untuk penubuhan sebuah universiti teknikal, Najib yang juga Anggota Parlimen Pekan, berkata keputusan itu sememangnya wajar memandangkan industri automotif yang diusahakan oleh Kumpulan DRB Hicom di situ membolehkan pelajar memperolehi kemahiran praktikal.

Katanya, kehadiran sebuah universiti di Pekan dapat memberikan kesan yang baik kepada masyarakat setempat terutamanya daripada segi pembangunan fizikal, peluang mendapatkan pendidikan dan suntikan kepada kemajuan ekonomi tempatan.

-- BERNAMA

ROS MAI